

JENDERAM HULU: Penduduk di Kampung Jenderam Hulu di sini masih ternanti-nanti langkah pihak berkuasa terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan projek bagi memastikan lubuk maut di pertembungan Sungai Palembang dan Sungai Jenderam tidak lagi berbahaya terutama kepada kanak-kanak.

Penduduk memohon pihak berkuasa melakukan sesuatu di lubuk itu supaya ia tidak terlalu berbahaya kepada orang ramai termasuk kanak-kanak sejak kejadian dua beradik lemas di situ pada 27 September tahun lalu.

Tinjauan *Sentral* mendapati kawasan itu masih tiada perubahan, malah lubuk itu semakin dalam.

Lubuk itu terbentuk apabila air Sungai Palembang bertembung dengan Sungai Jenderam tidak mempunyai lencongan yang sepatutnya, menyebabkan arus kuat sehingga lokasi yang cetek itu menjadi dalam serta tebing sungai terhakis teruk.

Penduduk, Shairul Azli Bhari, 43, berkata arus dari Sungai Palembang ke Sungai Jenderam itu memang berbahaya dan sepatutnya JPS membuat lencongan yang selari dengan Sungai Jenderam dan bertingkat-tingkat supaya air tidak terlalu laju.

"Memang mana-mana sungai atau tempat lain, len-

JPS digesa buat lencongan sungai

Langkah atasi masalah hakisan, lubuk makin dalam akibat arus deras

congan yang dibuat bukan seperti ini kerana ia membentuk lubuk yang mungkin semakin lama semakin dalam.

"Buktinya, paras air Sungai Jenderam tidak banyak dan hanya setakat buku lali. Secara logiknya, mana-mana budak yang bermain tidak akan lemas sehingga mengorbankan nyawa.

"Namun, apa yang berlaku, lencongan yang dibuat selari itu tanpa bertingkat menyebabkan air deras yang turun dari Sungai Palembang menyebabkan lokasi itu menjadi dalam kerana hakisan dan sehingga

kini ia sedalam hampir dua meter," katanya.

Beliau berkata, selepas kejadian mengorbankan dua beradik itu, JPS ada memasang papan tanda larangan di tempat lubuk itu bagi mengelak kanak-kanak bermain atau mandi.

"JPS juga menambak batu-batu besar dan menuang simen konkrit ke dalam Sungai Jenderam bagi menutup lubang dalam yang terhasil akibat air deras itu tetapi ia hanya bertahan beberapa bulan saja dan kini ia hancur dan keadaan sungai Jenderam semakin teruk.

"Sekarang tebing Sungai Jenderam semakin teruk terhakis apabila hujan lebat dan rumah saya semakin rapat dengan sungai dan ini amat merisaukan kami sekeluarga.

"Saya amat berharap supaya pihak berwajib turun padang dan melihat sendiri masalah yang kami lalui ini," katanya.

Penduduk lain, Yusri Abu, 49, berkata papan tanda yang dipasang itu tidak memberi sebarang kesan dalam usaha meningkatkan keselamatan penduduk, sebaliknya tindakan pantas perlu dilakukan bagi mengatasi masalah itu.



SHAIRUL menunjukkan lubuk maut sedalam dua meter akibat pertembungan Sungai Palembang dan Sungai Jenderam yang tidak dilencongan secara betul.

“Sekarang tebing Sungai Jenderam semakin teruk terhakis apabila hujan lebat dan rumah saya semakin rapat dengan sungai dan ini amat merisaukan kami sekeluarga”

Shairul Azli Bhari
Penduduk

